

Baik Buruk Dunia Siber

Zaman berubah. Kanak-kanak tidak lagi ditemani permainan, seperti anak patung, pelbagai jenis robot, dan kereta mini yang comel. Pada hari ini, kanak-kanak memilih permainan yang lebih mencabar dan mampu berkomunikasi dengan mereka secara audio atau menyaparkan pergerakan yang lebih menyeronokkan. Permainan ini dicipta untuk mengawal minda mereka dan “menangkap” perhatian mereka terhadap sesuatu yang suka dilihat. Semua ini dicipta dalam bentuk permainan elektronik dan pelbagai aplikasi yang boleh diakses secara dalam talian.

ATHIRA AZMI

Untuk tempoh 10 tahun belakangan ini, minat kanak-kanak terhadap permainan mereka berubah daripada bentuk fizikal kepada visual yang tidak dapat disentuh, tetapi berupaya menarik minat mereka. Keadaan ini mengakibatkan kanak-kanak lebih cepat mengenal telefon bimbit dan komputer mini kerana kedua-dua peralatan ini mudah dibawa ke mana-mana sahaja dan yang lebih penting lagi, peralatan tersebut wajib dimiliki setiap ibu bapa.

Daripada permainan komputer, kanak-kanak beralih kepada permainan secara dalam talian. Yang menariknya, permainan tersebut dapat mewujudkan interaksi antara seorang kanak-kanak dengan kanak-kanak yang lain tanpa mengenal lokasi. Dalam kebanyakan telefon pintar pada hari ini, terdapat aplikasi khusus yang direka untuk permainan dalam talian yang dapat menghubungkan pengguna telefon pintar di seluruh dunia.

Pendedahan ini pada akhirnya akan mewujudkan hubungan “asing” antara kanak-kanak dengan orang yang tidak dikenali secara maya. Sesetengah pihak melihat perkembangan ini

sebagai komunikasi pada zaman serba moden dan perlu dilihat dari sudut yang positif, iaitu melalui komunikasi, minda kanak-kanak dapat dikembangkan dan pelbagai perkongsian ilmu yang sihat dapat diwujudkan.

Namun begitu, kesibukan ibu bapa dengan tuntutan rutin harian juga menyebabkan sesetengahnya melihat telefon pintar dan komputer riba sebagai sesuatu yang dapat memenuhi keperluan anak mereka. Pemberian alatan elektronik itu, pada hakikatnya, bukanlah kaedah terbaik dalam proses pembesaran kanak-kanak kerana mereka mungkin terdedah kepada pelbagai risiko yang tidak diingini, apatah lagi jika penggunaan peralatan tersebut mempunyai akses terhadap internet yang tidak dipantau. Hal ini ditambah lagi apabila kebergantungan terlalu lama terhadap alam siber membuatkan kanak-kanak menanggung risiko ketagihan internet, terdedah kepada bahan pornografi, eksploitasi diri, buli siber, keganasan, penderaan, dan penipuan dalam talian.

Di Malaysia, baru-baru ini Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengumumkan penubuhan Unit Siasatan Siber Seksual Kanak-kanak (CCSI) bagi menangani kes jenayah baharu, iaitu kegiatan eksploitasi kanak-kanak melalui media sosial. Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar, menjelaskan bahawa pasukan berkenaan akan dikendalikan oleh Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Bukit Aman.

Menurut beliau, CCSI ditubuhkan untuk menangani kes serangan seksual, keganasan rumah tangga, dan keganasan terhadap kanak-kanak yang semakin hari semakin kompleks dan rumit. Hal tersebut belum mengambil kira kes baharu yang melibatkan eksploitasi terhadap wanita, gadis, dan kanak-kanak tanpa sentuhan fizikal daripada penjenayah, iaitu menggunakan medium media sosial. Dalam pada itu, Tan Sri Khalid mendedahkan bahawa terdapat warga asing yang menjalankan aktiviti serangan seksual terhadap gadis dan kanak-kanak di negara ini melalui media sosial. “Modus operandi yang digunakan dikenali *cyber sexual grooming*, iaitu kumpulan yang terlibat ‘melatih’ mangsa untuk melakukan aksi seksual melalui internet. Mereka menggunakan ayat yang manis untuk memperdayakan mangsa dan jenayah tersebut dipercayai aktif sejak beberapa bulan lalu,” katanya.

Tanpa mendedahkan bilangan kes yang berlaku, Tan Sri Khalid berkata, siasatan awal mendapati bahawa kanak-kanak seawal usia 13 tahun antara yang terlibat dalam aktiviti itu dan jenayah tersebut lebih menasarkankan kanak-kanak perempuan.

Pada Jun 2014, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor, mencadangkan agar kanak-kanak dan remaja di negara ini perlu dilengkapi ilmu pengetahuan

Kesibukan ibu bapa dengan tuntutan rutin harian juga menyebabkan sesetengahnya melihat telefon pintar dan komputer riba sebagai sesuatu yang dapat memenuhi keperluan anak mereka.

mengenai jenayah siber yang semakin berleluasa. Hal ini dikatakan demikian kerana golongan berkenaan perlu dididik agar lebih bijak melayari internet bagi memastikan tindakan mereka tidak mendatangkan impak negatif terhadap diri mereka, keluarga dan negara.

Dengan lebih daripada 17.5 juta orang pengguna internet di negara ini, tidak mustahil ada dalam kalangan mereka yang menjadi mangsa penipuan dan jenayah pihak yang tidak bertanggungjawab. Oleh itu, banyak pihak yang menyokong saranan Datin Seri Rosmah yang mahu melihat kanak-kanak di negara ini dilatih berfikir terlebih dahulu secara rasional dan bukannya mengikut emosi ketika melayari internet.

Kerana peka dengan keadaan yang berlaku, Datin Seri Rosmah turut mencadangkan pelbagai program diperkenalkan untuk memberikan kesedaran kepada kanak-kanak berhubung dengan risiko jenayah siber, seperti *safe on the net* yang memberikan fokus kepada pendidikan alam siber yang melibatkan murid sekolah. Katanya, program tersebut yang dijalankan oleh Pandu Puteri Cawangan Putrajaya sejak Oktober 2014 turut mendapat kerjasama penuh daripada Cybersecurity Malaysia, iaitu agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

Sementara itu, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim, menjelaskan bahawa pada hari ini, banyak ibu bapa yang menganggap lebih baik anak mereka melayari internet di rumah daripada keluar berpelesenan tanpa arah tujuan. “Ibu bapa sepatutnya melihat laman yang dilayari, sama ada sesuai untuk anak mereka ataupun tidak, dan jika cara ini dilakukan, setidak-tidaknya hal ini akan dapat mengekang anak daripada menyalahgunakan kemudahan yang disediakan di rumah. Kadangkala anak tidak tahu akan baik buruk internet. Mereka masih naif, mudah dipengaruhi, dan terlalu mudah mendedahkan identiti diri apabila diminta berbuat demikian,” ujar beliau.

Tidak dinafikan bahawa internet merupakan meningkatkan inovasi dan mengasah kemahiran intelektual. Untuk membolehkan pemikiran rakyat berkembang, mereka perlu akur terhadap perkembangan dunia dan mengaplikasikannya dalam kehidupan. Begitu pun, masyarakat perlu sedar bahawa setiap perkembangan teknologi akan ada kesan buruknya sekiranya disalahgunakan, apatah lagi oleh kanak-kanak yang sudah pasti belum tahu membezakan antara baik dengan buruk. 

